

Kehidupan Beragama Masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak: Hubungannya dengan Penganut Agama Lain

*Religious Life of the Muslim Community in Bau District, Sarawak: Relationship with
Other Religion*

Mohd. Syukri Bin Jaffar
¹Jaffary Bin Awang

Pusat Kajian Usuluddin Dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

¹Correspondence: jaffary@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kedatangan sejarah Islam di bumi Sarawak bukan suatu perkara yang aneh untuk dilihat kerana sejarah Islam itu sendiri banyak memberi kesan kepada kehidupan beragama di negeri tersebut terutamanya kepada penganut agama lain di Daerah Bau, Sarawak. Di dalam artikel ini, kesan kehidupan beragama itu dapat dilihat dan dibincangkan dari tiga aspek utama iaitu kefahaman kehidupan beragama masyarakat Islam, kehidupan sosial masyarakat setempat dan interaksi Muslim dengan Non-Muslim. Walaupun penuh dengan pelbagai cabaran yang mendatang, kedatangan Islam itu telah mewujudkan pola masyarakat yang majmuk di kawasan yang berbilang kaum dan agama serta mampu mempengaruhi hubungannya dengan penganut agama lain.

Kata kunci: *Kehidupan beragama, kefahaman masyarakat Islam, Kehidupan Sosial, Interaksi Muslim Non-Muslim*

1. Pengenalan

Islam mula bertapak di Sarawak pada abad ke-15 lagi dan buktinya adalah semasa pemerintahan Kesultanan Brunei ditadbir oleh Sultan Muhamad (Awang Khalak Betatar). Daerah-daerah kekuasaan Brunei seperti wilayah Kalaka, Saribas, Samarahan, Sarawak (Kuching) dan Mukah. Kini semua wilayah tersebut terletak di bawah pentadbiran negeri Sarawak. Pendapat lain menyatakan Islam mula bertapak di Sarawak adalah pada abad ke-16 dan mula berkembang ke negeri-negeri lain di sekitar negeri Sarawak termasuk daerah Bintulu. Sebenarnya hubungan di antara Brunei dan Sarawak ini mencetuskan detik awal bermulanya Islam masuk ke Sarawak pada tahun 1476M. Penekanan kepada ajaran Islam amat dititikberatkan terutama kepada orang Melayu Sarawak. Buktinya peringkat kanak-kanak sudah didedahkan dengan ajaran Islam menerusi kaedah menghafaz, mengaji ayat-ayat al-Quran dalam bahasa Arab. Kelas-kelas mengaji al-Quran ditubuhkan di kebanyakan perkampungan Melayu Sarawak. Kanak-kanak perempuan menerima pendidikan Islam daripada ibu bapa atau ahli keluarga terdekat manakala kanak-kanak lelaki dihantar ke rumah seorang guru atau ustaz yang amat dihormati pada ketika itu. Jika dilihat pada struktur masyarakat Islamnya pula, kedatangan Islam ini banyak disebar di perkampungan-perkampungan orang Melayu di Sarawak. Walau bagaimanapun, di Sarawak kini, masyarakat Islamnya hanyalah minoriti berbanding dengan masyarakat agama lain di Sarawak (Abdul Kadir Hassan, 1968).

2. Latarbelakang

Kehidupan beragama sememangnya ada hubung kaitnya dengan sikap toleransi itu sendiri. Seperti mana yang diketahui, toleransi merupakan kebebasan yang sama dan pengakuan hak antara satu sama lain kepada setiap orang di sekitarnya serta setiap kumpulan manusia untuk hidup mengikut ritual dan kepercayaan agama masing-masing. (Wirosardjono, 1991: 54; Bahari, 2010: 55). Kehidupan beragama begitu sinonim sebenarnya dengan sikap toleransi kerana toleransi dalam kehidupan beragama yang berlainan itu memberi kesan bukan hanya sekadar hidup berdampingan secara pasif tanpa adanya saling keterlibatan antara satu sama lain tetapi perkara ini sebenarnya membawa kepada keaktifan dan sifat dinamik yang tinggi seperti bekerjasama dalam mewujudkan kehidupan masyarakat yang harmoni, saling menghargai antara satu sama lain dan menghormati, rukun kepercayaan dan damai antaranya. (Bahari, 2010: 55).

Sama ada Islam ataupun agama yang lain, pastinya agama ini mengajarkan sikap toleransi kepada para penganutnya terutama dalam pelaksanaan kehidupan beragama seharian. Melalui kaca mata Islam, toleransi boleh dilihat dari asas melalui dasar Islam bahawa manusia adalah makhluk yang sangat mulia yang telah Allah SWT berikan kelebihan mahupun keistimewaan berbanding makhluk-makhluk yang lainya. Semestinya keadilan sangat dianjurkan oleh Islam kepada seluruh umatnya dengan cara memberikan hak sesuatu tersebut kepada sesiapa yang berhak mendapatkannya (al-Qardhawi, 2000: 204). Jangan dilupakan juga Islam memberikan hak kebebasan dalam menganut agama dan kebebasan melakukan ibadat. Pernyataan kuat menyokong pernyataan sebelumnya iaitu Islam sekali-kali tidak menerima tindakan memaksa seseorang itu untuk meninggalkan agama yang direlakannya dan dianutinya, demikian pula agama Islam tidak sesekali-kali memaksa seseorang untuk menganut mana-mana agama yang dia tidak relakannya untuk dianuti (al-Qardhawi, 2000: 179). Padahal Islam mengajar untuk sentiasa saling bertolak ansur, mendahulukan kepentingan orang lain, mencela semua bentuk kejahatan dan akhlak yang buruk serta yang paling penting berbuat baik kepada semua makhluk (al-Qardhawi, 2000: 137-138).

Tidak dilupakan juga sebagai contoh agama Kristian, mempunyai pendirian sendiri mengenai toleransi yang boleh dilihat juga dari asas-asas dasar Kristian. (Al-Kitab Acts 17:26) menyatakan Bible menjelaskan bahawa semua manusia datangnya dari satu keluarga yang tunggal dan berasal dari satu datuk moyang yang sama. Di sini dapat dilihat bahawa Kristian juga beranggapan setiap manusia hendaklah mengasihi antara sesama manusia yang lain. Kristian ada memperkenalkan konsep Cinta Kasih yang sememangnya bukan untuk penganut agama Kristian sahaja tetapi kepada seluruh manusia tanpa mengira kaum, agama, dan warna kulit (Albert, 2006). (Al-Kitab Matthew, 5-9) juga menyatakan agama Kristian ini mengajar para penganutnya untuk sentiasa hidup damai dan mendamaikan orang lain tanpa mengganggu hak masing-masing serta sentiasa menekankan aspek menghormati dan pegangan orang lain. Kebenaran Tuhan bukan melihat pada satu agama sahaja tetapi agama dan kepercayaan lain ada sebenarnya.

Jika melihat konteks di kawasan kajian, kehidupan beragama itu sememangnya ada dari dulu lagi dengan pelbagai agama dianuti. Walau bagaimanapun, segelintir masyarakat masih belum melihat bagaimana pengaplikasian kehidupan beragama itu berlaku dalam menjalani kehidupan beragama yang berbeza. Di atas tujuan tersebut, kajian ini dibuat dari tiga aspek utama iaitu sejauh mana kefahaman masyarakat Islam terhadap kehidupan beragama, kehidupan sosial masyarakat setempat dan interaksi Muslim dengan Non-Muslim

pada sebahagian warga setempat di daerah Bau, Sarawak yang perlu diaplikasikan bagi menghalang konflik-konflik sensitiviti timbul pada masa yang akan datang.

3. Daerah Bau, Sarawak

Daerah Bau meliputi kawasan seluas kira-kira 884.4 km persegi. Daerah ini mempunyai penduduk seramai 44,149 orang. Orang-orang Bidayuh merupakan kaum majoriti, manakala kaum-kaum lain yang tinggal di Daerah Bau termasuklah orang Cina, Melayu, Iban dan lain-lain. Pada suatu masa dahulu, Sungai Sarawak Kanan merupakan laluan perhubungan dan pengangkutan utama ke Daerah Bau dengan perjalanan menggunakan perahu dari Kuching mengambil masa satu hari. Kini kemudahan infrastruktur yang baik membolehkan keseluruhan kampung di daerah ini dapat dihubungi melalui jalan darat (Lee Teck Choo, 2008).

Daerah Bau terletak kira-kira 35 kilometer dari Bandar Kuching. Bau adalah salah satu daerah kecil yang terdapat dalam divisi Kuching. Nama lama bagi Bau ialah "Ulu Sarawak" di mana pekan Bau dinamakan "Mau San" atau "Bukit Mau". Dalam Cina/Hakka, "Mau San" bermaksud "Gunung Topi" kerana Gunung Krian kelihatan seperti topi. Penulis Eropah semasa pemerintahan Brooke menyebut "Bau" sebagai "Mow" daripada perkataan "Mau" yang bermaksud topi namun disalah sebut sebagai "Bau" sehingga sekarang. Daerah Bau juga masih sinonim dengan gelaran Pekan Emas Sarawak atau Gold Town of Sarawak kerana aktiviti perlombongan emasnya. Pencari emas pada ketika itu terdiri daripada orang Cina dari Sambas, Indonesia dan dibantu oleh orang tempatan dengan menggunakan dulang. Pada tahun 1899 Borneo Company milik kerajaan Brooke mula membuka lombong emas yang dikenali sebagai *Tai Parit Gold Mine* dan *Bidi Gold Mine* (Lee Teck Choo, 2008).

Dari awal kewujudan Bau sehingga sekarang, pekan ini masih terkenal dengan kekayaan sumber mineral yang terdapat di pekan tersebut. Berdasarkan rekod kajian geologi dari tahun 1980 sehingga tahun 1996, Bau telah mengeluarkan sumber merkuri sebanyak 21,598 botol kaca (78 lbs sebotol) dari awal abad ke-19 dan 90,000 tan antimoni yang mempunyai gred yang tinggi dari awal abad ke-19 sehingga penutupan Paku Kong Mine pada tahun 1985. Jumlah pengeluaran emas yang dikeluarkan oleh Bau sejak awal abad ke-19 sehingga penutupan lombong emas pada tahun 1996 ialah 44.7 tan di mana hampir 18.4 tan emas dikeluarkan oleh Tasik Tai Parit, yang terkenal dengan emas yang banyak. Maka, disebabkan itulah Bau digelar Pekan Emas kerana telah mengeluarkan emas yang banyak pada waktu itu (Lee Teck Choo, 2008).

Secara umumnya, penghuni Daerah Bau dapat diklasifikasikan kepada dua kelompok. Kelompok pertama adalah mereka yang menghuni kawasan-kawasan pesisir sungai seperti orang Melayu. Kelompok kedua adalah masyarakat yang menduduki bahagian tanah pamah seperti orang Cina. Selain itu, wujud juga masyarakat yang menduduki kawasan pedalaman yang masih mengekalkan serta mengamalkan kehidupan secara mudah (*simple society*) seperti orang Dayak Darat (Bidayuh). Keadaan ini adalah dipengaruhi oleh faktor alam seperti banjaran gunung, lembah sungai dan lurah yang dalam. Faktor-faktor alam terutamanya sungai yang panjang dan deras arusnya mempengaruhi corak penempatan dan kebudayaan penduduk Daerah Bau. Selain itu, perhubungan yang sukar dan kawasan yang luas telah memisahkan penduduk satu tempat dengan satu tempat yang lain. Perkara ini telah menyebabkan kurangnya hubungan dan pergaulan di antara kelompok-kelompok masyarakat yang tinggal di kawasan itu. Oleh sebab itu, setiap kelompok membentuk identiti kebudayaannya sendiri mengikut keadaan alam sekeliling mereka.

Di sepanjang Sungai Sarawak terdapat pekan kecil seperti Lidah Tanah, Kranji, Siniawan, Buso, Tondong dan Pekan Bau. Pekan-pekan ini berfungsi sebagai pengumpul hasil tanaman dan hutan. Selain itu, pekan juga membekalkan barangan keperluan harian dan

kepercayaan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasannya. Di kawasan hulu sungai terdapat tanah tinggi yang didiami oleh penduduk asli dari kaum Bidayah (Dayak Darat). Sungai Sarawak Kanan pernah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan penduduk tempatan pada awal abad ke-19. Kini peranannya tidak dipentingkan lagi kerana jalan raya terbuka luas di sekitar Daerah Bau. Peranan pekan kecil yang terletak di tepi sungai tersebut telah diambil alih oleh Bandar Kuching kerana kemudahan jalan raya memudahkan orang ramai menjalankan urusan niaga di Bandar Kuching (Lee Teck Choo, 2008).

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan edaran soal-selidik di kalangan 150 responden di Daerah Bau, Sarawak yang mewakili agama Islam. Sebelum edaran dilakukan terlebih dahulu kajian rintis dilakukan di kalangan 30 orang responden dipilih secara rawak dari kalangan pelajar Persatuan Mahasiswa Anak Sarawak Universiti Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Mahasiswa Anak Sarawak Universiti Putra Malaysia.

JADUAL 1. Agama

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Islam	150	100.0	100.0	100.0

4.1 Kajian Rintis

Nilai kebolehpercayaan dalam sesuatu kajian adalah sesuatu yang amat penting. Kajian ini menggunakan Alpha Cronbach bagi menilai angkali kebolehpercayaan. Semakin hampir nilai alpha kepada (1) beerti semakin tinggi nilai kebolehpercayaan. Sementara nilai alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap sebagai lemah dan nilai 0.7 adalah satu nilai yang boleh diterima. (Dearana 2010: 76). Bagi soalan berkaitan isu kefahaman konsep kehidupan beragama bagi masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak, dapatan Alpha Cronbach bagi soalan-soalan atau pernyataan-pernyataan tersebut menunjukkan 0.7.

JADUAL 2. Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.710	.727	10

Sementara Alpha Cronbach bagi soalan-soalan berkaitan kehidupan masyarakat sosial setempat bagi masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak menunjukkan berada pada aras 0.9.

JADUAL 3. Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.879	.877	10

Bagi tema berkaitan interaksi di antara perbezaan agama bagi masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak menunjukkan Alpha Cronbach pada aras 0.9.

JADUAL 4. Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.856	.858	10

Berdasarkan kepada dapatan rintis tersebut menunjukkan soalan tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

5. Hasil Dapatan

5.1 *Kehidupan Beragama Masyarakat Islam serta Hubungannya dengan Penganut Agama Lain*

Artikel ini akan membincangkan sejauh mana tiga aspek utama pembincangan dalam artikel ini iaitu kefahaman konsep kehidupan beragama, kehidupan masyarakat sosial setempat dan interaksi di antara Muslim dengan Non-Muslim itu mempengaruhi kehidupan beragama masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak dengan penganut agama lain.

5.2 *Kefahaman Konsep Kehidupan Beragama*

Kefahaman konsep kehidupan beragama pada masyarakat Islam begitu penting untuk dilihat kerana ia pastinya akan mempengaruhi setiap kepercayaan dalam kehidupan beragama mereka. Dalam hubungan ini salah satu soalan adalah berkaitan dengan ketahuan mereka tentang solat itu wajib terhadap setiap orang Islam dan data menunjukkan seramai 150 responden atau 100% menyatakan mereka mengetahui yang solat itu wajib dalam kehidupan beragama mereka. Ini menunjukkan mereka berpegang teguh dengan ajaran yang diajarkan kepada mereka.

JADUAL 5. Saya Tahu yang Solat Adalah Wajib Bagi Setiap Orang Islam

		Bilangan	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	12	8.0	8.0	8.0
	Sangat Setuju	138	92.0	92.0	100.0
	Total	150	100.0	100.0	

Responden juga diminta untuk mengemukakan penilaian mereka terhadap ibadat puasa dan zakat yang merupakan perkara wajib yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam. Jawapan yang dikemukakan oleh responden menunjukkan keseluruhannya memahami atau 100% menyatakan puasa di bulan Ramadhan adalah wajib bagi setiap orang Islam manakala untuk jawapan responden mengenai zakat merupakan perkara penting yang harus ditunaikan oleh setiap orang Islam menunjukkan pemahaman kehidupan beragama yang positif. Di mana seramai 98% atau 147 orang bersetuju mengenai amalan kehidupan beragama tersebut.

JADUAL 6. Saya Tahu Puasa di Bulan Ramadhan Adalah Wajib Bagi Setiap Orang Islam

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Setuju	15	10.0	10.0	10.0
	Sangat Setuju	135	90.0	90.0	100.0
Total		150	100.0	100.0	

JADUAL 7. Saya Tahu Zakat Adalah Rukun Islam yang Keempat dalam Kepercayaan Orang Islam

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Tidak Setuju	1	.7	.7	.7
	Tidak Pasti	2	1.3	1.3	2.0
	Setuju	21	14.0	14.0	16.0
	Sangat Setuju	126	84.0	84.0	100.0
	Total	150	100.0	100.0	

Berdasarkan tiga perkara yang dinyatakan di atas, menyakini bahawa setiap perbuatan akan dibalas dengan pahala dan dosa pastinya menjadi suatu pegangan yang kuat bagi umat Islam di Daerah Bau, Sarawak. Ini dibuktikan dengan dapatan kajian menunjukkan 98.7% atau 148 responden bersetuju bahawa setiap perbuatan akan dibalas dengan pahala dan dosa. Melalui keempat-empat aspek kefahaman kehidupan beragama ini, pastinya umat Islam di Daerah Bau, Sarawak akan menjaga setiap tingkah laku mereka di dalam kehidupan terutamanya kepada hubungan dengan penganut agama lain.

JADUAL 8. Saya Tahu Orang Islam Yakin Setiap Perbuatan akan dibalas dengan Pahala dan Dosa

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Pasti	2	1.3	1.3	1.3
	Setuju	21	14.0	14.0	15.3
	Sangat Setuju	127	84.7	84.7	100.0
Total		150	100.0	100.0	

5.3 *Kehidupan Masyarakat Sosial Setempat*

Konteks kehidupan masyarakat sosial setempat penganut agama Islam di Daerah Bau, Sarawak perlu dilihat adakah dalam kehidupan beragama mereka mengamalkan kehidupan masyarakat sosial setempat yang hanya berlaku di dalam penganut agama mereka sahaja. Buktinya jelas tidak. Berdasarkan dapatan menunjukkan mereka mempunyai sikap positif kepada masyarakat lain mahupun jiran sekitar mereka dengan pembuktian berjumlah 148 responden atau 98.6%. Ini menunjukkan dalam kehidupan masyarakat sosial setempat penganut agama Islam di Daerah Bau, Sarawak, mereka jelasnya tiada masalah sekiranya mereka hidup dalam kehidupan yang mempunyai kepelbagaian agama.

JADUAL 9. Hubungan Baik dengan Jiran yang Berbeza Agama Perlu Menjadi Keutamaan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Tidak Setuju	1	.7	.7	.7
	Tidak Pasti	1	.7	.7	1.3
	Setuju	53	35.3	35.3	36.7
	Sangat Setuju	95	63.3	63.3	100.0
Total		150	100.0	100.0	

Ini bererti responden seharusnya tidak menghadapi masalah untuk menyokong program-program kemasyarakatan yang melibatkan pelbagai kaum dan agama. Ini kerana jika hubungan baik di antara penganut agama Islam dengan agama lain terjaga, perkara ini tidak akan menjadi penghalang buat mereka. Ini jelas dari jadual di bawah yang menunjukkan mereka akan menyokong program-program kemasyarakatan yang melibatkan pelbagai kaum dan agama. Peratus menunjukkan sebanyak 76.6% atau 115 responden bersedia untuk menyokong program-program kemasyarakatan yang melibatkan pelbagai kaum dan agama.

JADUAL 10. Saya Akan Hadir ke Program Kemasyarakatan yang Melibatkan Pelbagai Kaum dan Agama

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	7	4.7	4.7	4.7
	Tidak Pasti	28	18.7	18.7	23.3
	Setuju	65	43.3	43.3	66.7
	Sangat Setuju	50	33.3	33.3	100.0
Total		150	100.0	100.0	

Seterusnya, responden ada menyatakan bahawa mereka tiada masalah dalam menetap di kawasan yang berbilang kaum dan agama. Ini dibuktikan dengan seramai 107 responden atau 71.4% menyatakan pendirian mereka dengan tiada masalah untuk hidup di kawasan yang berbilang agama. Namun ada segelintir yang tidak bersetuju untuk hidup di kawasan yang berbilang agama dengan seramai 13 responden atau 8.7% menyatakan pendirian mereka terhadapnya.

JADUAL 11. Saya Suka Menetap di Kawasan yang Berbilang Kaum dan Agama

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	13	8.7	8.7	8.7
	Tidak Pasti	30	20.0	20.0	28.7
	Setuju	52	34.7	34.7	63.3
	Sangat Setuju	55	36.7	36.7	100.0
Total		150	100.0	100.0	

Tambahan lagi, daripada perkara utama dari tiga perkara di atas, pastinya permusuhan di antara pelbagai kaum dan agama tidak akan berlaku di dalam kehidupan masyarakat sosial

setempat masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak. Ini jelas dibuktikan dengan sebanyak 70.7% atau 106 responden percaya permusuhan tidak akan ada jika hubungan di antara pelbagai kaum dan agama ini dijaga dengan baik.

JADUAL 12. Kehidupan dalam Masyarakat Pelbagai Agama tidak Boleh Mencetuskan Permusuhan

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	2	1.3	1.3	1.3
	Tidak Pasti	42	28.0	28.0	29.3
	Setuju	49	32.7	32.7	62.0
	Sangat Setuju	57	38.0	38.0	100.0
	Total	150	100.0	100.0	

5.4 Interaksi di antara Muslim dengan Non-Muslim

Salah satu elemen penting yang perlu dilihat pada kehidupan beragama masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak ini ialah bagaimana mereka berinteraksi dengan orang yang berlainan agama dengan mereka. Adakah ada sifat prejudis mereka terhadap orang yang berlainan agama? Pastinya tidak. Ini dibuktikan dengan sebanyak 79.4% atau 119 responden bersedia mengadakan interaksi tanpa ada timbulnya rasa prejudis terhadap agama lain. Namun ada segelintir yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 3 responden atau 2.0% menyatakan pendirian mereka terhadapnya.

JADUAL 13. Saya Tidak Prejudis Berinteraksi dengan Penganut Agama Lain

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	3	2.0	2.0	2.0
	Tidak Pasti	28	18.7	18.7	20.7
	Setuju	61	40.7	40.7	61.3
	Sangat Setuju	58	38.7	38.7	100.0
	Total	150	100.0	100.0	

Sekira tiadanya sikap prejudis terhadap orang yang berlainan agama, responden seharusnya menghormati pandangan orang yang bukan seagama dengan mereka. Menghormati pandangan orang lain bukan semua orang boleh terima dan boleh bertolak ansur dengannya. Ini jelas dari jadual di bawah yang mereka sebenarnya boleh menerima pandangan orang lain dalam berinteraksi. Peratus menunjukkan sebanyak 88% atau 132 responden bersedia menerima dan menghormati pandangan daripada penganut agama lain. Namun ada segelintir yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 3 responden atau 2.0% menyatakan pendirian mereka terhadapnya.

JADUAL 14. Saya Menghormati Pandangan Rakan Bukan Seagama dengan Saya

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Tidak Setuju	3	2.0	2.0	2.0
	Tidak Pasti	15	10.0	10.0	12.0
	Setuju	63	42.0	42.0	54.0
	Sangat Setuju	69	46.0	46.0	100.0
	Total	150	100.0	100.0	

Kenyataan ini pula disokong dengan jawapan responden yang akan sentiasa menjaga batas-batas sensitiviti kaum dan agama ketika berinteraksi. Batas-batas sensitiviti antara pelbagai kaum dan agama perlu dijaga kerana tanpa penjagaan yang baik dan tidak menghormati segala pandangan yang diberikan, semestinya permusuhan akan berlaku melalui perkara tersebut. Dapatan menunjukkan seramai 137 responden atau 91.4% menunjukkan penjagaan batas-batas sensitiviti agama itu penting ketika berinteraksi dengan penganut agama yang lain.

JADUAL 15. Saya Menjaga Batas-batas Sensitiviti Kaum dan Agama Ketika Berinteraksi

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Tidak Setuju	1	.7	.7	.7
	Tidak Setuju	3	2.0	2.0	2.7
	Tidak Pasti	9	6.0	6.0	8.7
	Setuju	61	40.7	40.7	49.3
	Sangat Setuju	76	50.7	50.7	100.0
	Total	150	100.0	100.0	

Sesuatu yang menarik, para responden kelihatan bersikap terbuka apabila dapatan menunjukkan seramai 123 responden atau 82% menyatakan kesediaan mereka untuk mendengar penjelasan penganut agama lain berkaitan agama mereka. Ini satu elemen yang positif dalam konteks berinteraksi pada hubungan antara kaum dan agama di kalangan masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak. Jelasnya mereka tiada masalah pada isu sebegini. Dengan harapan sikap sebegini dapat diteruskan apabila berdepan dengan masyarakat yang lebih pelbagai nanti.

JADUAL 16. Saya Menerima Pandangan Rakan Berbeza Agama Berkaitan Agama Saya

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Sangat Tidak Setuju	2	1.3	1.3	1.3
	Tidak Setuju	5	3.3	3.3	4.7
	Tidak Pasti	20	13.3	13.3	18.0
	Setuju	61	40.7	40.7	58.7
	Sangat Setuju	62	41.3	41.3	100.0
	Total	150	100.0	100.0	

6. Rumusan

Berdasarkan kepada perbincangan data di atas menunjukkan kefahaman kehidupan beragama masyarakat Islam, kehidupan sosial masyarakat setempat dan interaksi di antara Muslim dengan Non-Muslim amat dipengaruhi melalui kehidupan beragama masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak. Ini tentunya melihat bahawa konsep toleransi dalam kepercayaan masyarakat agama Islam itu ada sebenarnya dan diaplikasikan dalam kehidupan beragama mereka seharian. Perkara inilah yang menjadi keperluan pada pola masyarakat Islam di Daerah Bau, Sarawak dan pastinya keharmonian itu akan terus tercetus sekiranya perkara-perkara sebegini dijaga dengan baik terutamanya dengan penganut agama lain.

Rujukan

- Abang Mohd Atei Medaan. (2006). *Majlis Islam Sarawak, Sejarah, Peranan dan Perkembangan Serta Profil Para Peneraju 1955-2005*. Sarawak: Jabatan Agama Islam Sarawak.
- Abdul Kadir Hassan. (1968). *Perkembangan Islam Ke Sarawak Dalam Buku Cenderamata Pembukaan Masjid Besar Negeri Sarawak*. Terbitan JPM. Sarawak.
- Holy Bible. (1988). *New International Version, Church Edition*. The Bible Societies in Association with Hodder and Stoughton.
- Jaffary Awang & Yusri Mohamad Ramli. (2011). Kursus Perbandingan Agama Dan Hubungannya Dengan Sikap Toleransi Beragama di Kalangan Pelajar Jabatan Usuluddin dan Falsafah. *Prosiding Kongres Pengajaran & Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia 2011*.
- Lee Teck Choo. (2008). *Perkembangan Sosioekonomi Dan Politik Dalam Kalangan Orang Cina Di Daerah Bau Dan Bandar Kuching Sejak 1840 Hingga 1947*. Tesis Ijazah Sarjana Universiti Sains Malaysia.
- Mutsalim Khareng & Jaffary Awang. (2011). Tahap Amalan Agama dan Orientasi Akhlak yang Menjurus kepada Toleransi Beragama Dalam Kalangan Pelajar Antara Penganut Islam dan Buddha: Kajian Kes di Dua Buah Universiti Selatan Thai PSUP DAN PSUH. *Prosiding International Conference and Exhibition On Research In Islamic and Arabic Language Education*, hlm. 705-723.
- Roziah Binti Chek & Jaffary Awang. (2017). *Penghayatan Agama Islam dalam Kalangan Bidayah Muslim Sarawak*. *Jurnal Al-Hikmah*. 9(1). 60-79.
- Sayyid Qutb. (1980). *Al-Salam al-Alami wa al-Islam*. Al Qahirah: Darul al-Sharq.
- Sayyid Qutb. (2007). *Islam: Kesejahteraan untuk Seluruh Manusia*. Kuala Lumpur: Power Press & Design (M) Sdn. Bhd.
- William W. Orr. (1992). *10 Alasan Mengapa Saya Percaya Bahawa Alkitab Itu Adalah Firman Tuhan*. Sabah/Sarawak: Sidang Injil Borneo Sabah dan Sidang Injil Borneo Sarawak.